


Keringat peneroka di Lurah Bilut

Berbekalkan parang, kapak, tulang empat kerat bangunkan kawasan Felda



Malaysiaku Gemilang

BERSUSAH-susah dulu, bersenang-senang kemudian. Memang susah, memang perit. Berat mata memandang, berat lagi bahu memikul. Begitulah antara keluhan dan suka duka peserta awal Rancangan Felda Lurah Bilut yang ditempatkan di daerah Bentong, Pahang, bermula 1 April 1958.

Apa tidaknya, pengorbanan yang terpaksa dilalui, terlalu besar. Terputus hubungan sama sekali dengan keluarga dan saudaramara, rakan dan kenalan serta dunia luar yang baru saja kedengaran dengan teriakan merdeka.

Lurah Bilut yang dinamakan sempena nama ikan bilut, mula diterokai untuk menempatkan 616 peneroka awal Rancangan Pembangunan Tanah Persekutuan (Felda) dengan tanaman getah. Ia adalah rancangan Felda yang menempatkan paling ramai penduduk bangsa Cina iaitu 169 orang, 47 orang India dan Melayu seramai 400 orang.

Lurah Bilut yang terletak di antara daerah Bentong dan Raub, Pahang asalnya adalah sebuah lembah di Banjaran Titiwangsa, bersempadankan Sungai Bilut dan Hutan Simpan Kelau.

Rancangan Felda Lurah Bilut di Pahang adalah rancangan pertama dimajukan secara terus di bawah pengurusan Felda. Pihak Lembaga Sumber Asli Pahang (PNRB) yang membabitkan pegawai Jabatan Perhutanan, Jabatan Pertanian, Jabatan Saliran dan Taliair, Pejabat Daerah Bentong dan Pejabat Tanah diarah meninjau kawasan sesuai untuk tujuan pertanian dan penempatan.

Pada 20 Februari 1957, PNRB mendapati kawasan di Ulu Kelau dan Lurah Bilut berpotensi untuk dimajukan. Pada 16 Ogos 1957, Felda mengemukakan cadangan pembangunan di Lurah Bilut secara rasmi kepada kerajaan negeri Pahang dan pada 30 November 1957, Majlis Pentadbiran Negeri Pahang meluluskan cadangan itu. Pada 1 April 1958 bermulalah pembangunan Lurah Bilut membabitkan kawasan seluas 516.8 hektar.

Walau apapun perancangan dibuat, pengalaman dirasai peneroka asal pasti tidak dapat dilupakan begitu saja. Daripada sebuah kawasan hutan, kawasan lembah berkenaan dibersihkan, pokok balak ditebang, dibakar dan semak samun ditebas untuk ditanam dengan anak getah seperti dirancangan.

Ia bukanlah satu perkara mudah, tanpa bantuan jentera berat, peneroka terpaksa melakukan tugas berkenaan menggunakan tulang empat kerat. Berbekalkan parang dan kapak, peneroka melaksanakan pekerjaan itu dengan seribu cabaran dan dugaan. Upah yang diterima pula jauh lebih rendah, berbanding pendapatan diperoleh di kampung masing-masing.

Bukan sekadar menebang dan memberih, malah peneroka terpaksa menyiapkan rumah yang separuh siap untuk diduduki dan membolehkan peneroka lain turut me-

nyertai rancangan tanaman getah itu.

Lim Kim Soon, 79, menyertai rancangan terbabit pada 27 September 1959 atas pelawaan kawan. Ramai yang datang, tetapi ramai juga yang pulang kerana tidak sanggup menempuh hidup baru di tengah hutan belantara.

"Ketika itu, apabila saya datang, diberi nombor 110. Ramai yang balik kena potong nama dan diganti orang lain. Ramai yang tidak percaya dan terus balik. Waktu itu, berjalan kaki pergi Bentong, pun susah. Sebuah kereta Land Rover membawa sehingga 17 orang, setiap orang kena bayar satu ringgit. DO (Pegawai Daerah) tengok-pun naik takut. Apa boleh buat, tak boleh jalan kita tolak, boleh jalan kita naik.

"Saya terpaksa sabar. Waktu itu, tiada air paip, tiada lampu, tiada elektrik dan mandi pun guna perigi. Apabila panas mandi, tapi apabila balik panas lagi. Malam pergi angkat kayu nak siapkan rumah yang dibina secara gotong royong," kata Lim yang pandai bertukang dan turut menggunakan kepakarannya untuk membina rumah peneroka. Rumah itu diperbuat daripada kayu dalam tiga reka bentuk, mengikut kesesuaian masyarakat Cina, Melayu dan India.

Tanaman pokok getah juga terpaksa melalui pelbagai cabaran seperti dimusnah dan dimakan oleh tikus.

"Waktu itu, hari ini kita tanam, esok tikus sudah makan. Masa itu, saya pun mahu balik kampung juga, tapi sebab ada gotong royong buat rumah dan tanam padi, saya tunggu. Upah RM2.90 saja, jadi kita tanam apa saja di sekeliling rumah untuk makan saja.

"Tetapi sesuatu yang bagus ialah air sungai bersih, kita minum pun tidak alami sakit. Mula-mula saya datang, saya risau. Sekarang generasi kita tinggal tak sampai 15 orang, saya blok sini tinggal seorang saja lagi, lain semua sudah meninggal," katanya yang pernah menemui Tun Ghafar Baba (Ketua Menteri Melaka ketika itu) dan menyatakan hasratnya untuk pulang ke kampungnya di Melaka. Bagaimanapun, dia diminta bersabar dan pulang semula ke rancangan berkenaan.

Ketua Kampung Lurah Bilut, Kamaruddin Mat Dooa, 68, pula terpaksa tinggalkan tunang dan rumah untuk menyertai Felda. Tanpa memberitahu bapanya, beliau meninggalkan rumah di Sungai Manik, Teluk Intan dengan membawa sebilah kapak dan

“Saya rasa seronok masuk Felda kerana saya seorang, tapi mungkin susah bagi orang yang berkeluarga. Saya datang bersama 15 orang ketika itu. Jalan ke sini memang jauh, sehari baru sampai. Jalan pula bengkang bengkak dan berlopak-lopak. Sampai Kuala Kubu makanlah nasi, tapi apabila jalan semula, habis semua keluar balik”

Kamaruddin Mat Dooa
Ketua Kampung Lurah Bilut

beberapa helai pakaian, pada waktu subuh. (Kapak itu kini dihadiahkan kepada Muzium Felda Lurah Bilut sebagai bahan pameran).

"Dulu nak masuk sini, Felda tak hadkan umur, sampai umur 60 tahun pun ada. Ada juga yang tak sampai dua bulan, dah meninggal," katanya yang mula berniaga kecil-kecilan, membaiki basikal dan menjual buah-buahan, selepas tamat persekolahan.

"Saya rasa seronok masuk Felda di sini sebab saya seorang, tapi mungkin susah bagi orang yang berkeluarga. Saya datang bersama 15 orang ketika itu. Jalan ke sini memang jauh, sehari baru sampai. Jalan pula bengkang bengkak dan berlopak-lopak. Sampai Kuala Kubu makanlah nasi, tapi apabila jalan semula, habis semua keluar balik.

"Saya rasa macam ni mati tak balik Perak lagi, habis orang tua yang lain muntah, ramai yang balik kerana tak tahan," katanya yang juga mewujudkan kumpulan kugiran untuk menghiburkan hati ketika berada di rancangan berkenaan, tidak lama selepas itu.

Kamaruddin yang biasa berniaga di kampung, cuba menanam sayur-sayuran dan buah-buahan di sekeliling rumah, tetapi tiada yang mahu membeli kerana hampir semua peneroka turut menanam untuk kegunaan sendiri.

Antara pengalaman yang tidak boleh dilupakan ialah ketika peneroka memberontak dan pergi ke Bentong kerana tidak puas hati dengan tindakan seorang pegawai yang membuat ucapan setiap pagi ketika itu dengan mengarahkan mereka pulang, jika tidak mahu bekerja. Peneroka menjadi marah dan hilang sabar kerana sering diperlekehkan.

"Peneroka keluar beramai-ramai dengan membawa parang, cangkul dan berjalan kaki dari pejabat hinggalah ke pekan Bentong, kira-kira 12 batu. Kami pun menghadap Sultan Pahang (Sultan Abu Bakar ketika itu) yang sedia maklum tentang kedatangan kami dan mengadu hal yang berlaku. Tuanku terima kedatangan kami dengan baik dan melihat keadaan kami dengan seluar koyak, baju koyak dan tak berkasut, serta menasihatkan kami supaya bertenang.

"Malah Tuanku menjamu kami dengan air oren satu lori. Saya ketika itu bawa 50 sen. Dalam perjalanan balik, saya singgah

beli nasi dengan kuah saja. Minum air sejuk," ujarnya yang berasa lega selepas masalah mereka dikemukakan kepada baginda Sultan.

Bagaimanapun, hidup di rancangan Felda berkenaan sangat meriah, terutama ketika sambutan Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji. Anggota peneroka dianggap seperti saudara mara dan adik beradik, tidak mengira bangsa dan warna kulit, sehingga sekarang.

Di sinilah contoh perpaduan terbaik yang dapat dilihat antara masyarakat berbilang kaum. Kesusahan yang ditempuh menjadikan mereka semakin akrab dan hidup aman tanpa sebarang kekecohan.

Maidean Ibrahim, 69, dari Cheroh, Raub pula menyertai rancangan itu, selepas empat tahun bersama ayahnya, Ibrahim Koyakuthy pada tahun 1963. Ibrahim adalah peneroka asal yang dipilih mewakili masyarakat India di rancangan itu pada tahun 1959. Maidean membantu bapanya menguruskan sebuah kedai kopi.

"Kami datang sini naik traktor, jalan di sini becak dan berlumpur. Ketika itu, kami tiada rumah dan tinggal di rumah panjang. Masa itu, yang masuk semua bujang, kalau ada anak bini, semuanya tinggal di kampung. Ketika itu ada 26 orang India masuk, termasuk bukan Islam," katanya.

Pengurus Felda Lurah Bilut, Mohamad Imra Pinni ketika ditemui berkata, rancangan ini boleh dijadikan contoh dalam pelbagai hal. Ia kini dilengkapi dengan pelbagai kemudahan baik dari segi pendidikan, keagamaan, keselamatan, sosial dan kesihatan.

Peneroka juga boleh menikmati pendapatan antara RM2,500 hingga RM3,000 sebulan. Kira-kira 320 hektar tanah di rancangan ini juga ditanam dengan kelapa sawit.

Lurah Bilut sudah pun melalui zaman kesukarannya dengan pelbagai pengalaman suka duka. Generasi kedua juga telah melepasi zaman kenakalan mereka dan kini mereka lebih memahami soal perpaduan di kalangan penduduk, khususnya yang berbilang bangsa. Sejarah permulaan Lembah Bilut kini diabadikan di Muzium Felda Lembah Bilut yang dibuka pada 2005.

(Nota: Rencana ini disediakan oleh Sekretariat Media, Sambutan, Kemerdekaan Ke-50)



BANTU PENEROKA: Tun Razak Hussein melawat Felda Lurah Bilut pada dekad 60-an untuk meninjau masalah peneroka.